

<b>Headline</b>	<b>Panda China dibawa masuk Mei 2014</b>		
<b>MediaTitle</b>	Kosmo	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Date</b>	17 Jan 2013	<b>Circulation</b>	115,967
<b>Section</b>	Negara	<b>Readership</b>	406,000
<b>Page No</b>	4	<b>ArticleSize</b>	292 cm <sup>2</sup>
<b>Language</b>	Malay	<b>AdValue</b>	RM 2,539
<b>Journalist</b>	LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR	<b>PR Value</b>	RM 7,616
<b>Frequency</b>	Daily		



# Panda China dibawa masuk Mei 2014

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

KUALA LUMPUR - Be-ruang panda gergasi, Fengyi dan Fuwa yang menjadi lambang persahabatan antara Malaysia dan China akan dibawa masuk ke ne-gara ini pada Mei tahun hadapan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah berkata, untuk tujuan itu, pembangunan eksibit khas bagi menempatkan panda ber-kenaan akan dimulakan pada Jun ini di Zoo Negara dan dijangka siap sepenuhnya April tahun hadapan.

"Zoo Negara dipilih sebagai lokasi penempatan

kedua-dua beruang berke-naan kerana ia merupakan tempat paling sesuai ber-banding Taman Wetland, Putrajaya.

"Eksibit yang berkeluasan 0.6 hektar ini akan dilengkapi suhu kurang 24 derjah Celcius dan mem-punyai kemudahan yang sama seperti habitat asal panda," katanya selepas mengadakan lawatan ke Zoo Negara di sini sema-lam.

Douglas berkata, kos projek eksibit itu bernilai RM25 juta di mana RM15 juta ditanggung oleh 1Ma-

laysia Development Ber-had manakala bakinya oleh kerajaan Persekutuan.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan kerajaan Malay-sia dan China bersetuju memilih tahun 2014 sebagai simbolik ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik anta-ra kedua-dua negara.

Melalui perjanjian berke-naan, Malaysia menjadi anta-22 negara yang diberi penghormatan untuk me-nerima panda dari negara tembok besar itu sebagai simbol keakraban hubu-ngan dua negara.

Sementara itu, Douglas

dua-dua panda berkenaan seperti makanan dan per-ubatan akan menjadi tang-gungjawab Zoo Negara termasuk buluh yang menjadi makanan utama haiwan berkenaan.

Katanya, Institut Penye-lidikan Perhutanan Malay-sia sudah mengenal pasti

enam spesis buluh tempat-an yang sesuai ditanam sebagai sumber makanan kedua-dua panda berkenaan di kawasan seluas 16 hektar berhampiran zoo.

"Ini memandangkan hai-wan berkenaan memerlu-kan 25 kilogram buluh se-hari," ujar beliau.



DOUGLAS (dua dari kanan) meninjau tapak pembinaan eksibit bagi pasangan panda dari China di Zoo Negara, Kuala Lumpur semalam.



BERUANG panda Fengyi (kanan) dan Fuwa sedang bermain di Pusat Pemuliharaan Panda Gergasi Wolong di Wilayah Sichuan, China sebelum dibawa masuk ke Malaysia pada Mei 2014.